

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR (SUNGAI**  
**SIPUT)**  
**TARIKH : 31.10.2016**  
**NO. SOALAN : 31**

**YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang mengadakan konsultasi bersama NGO masyarakat sivil (*civil society*) terhadap Perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang sedang dirunding oleh Kerajaan Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Di Pertua,

1. Terlebih dahulu, izinkan saya memberi sedikit laterbelakang mengenai Perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Rundingan RCEP adalah sebenarnya kesinambungan kepada Komuniti Ekonomi ASEAN dan berdasarkan penambahbaikan terhadap perjanjian perdagangan bebas ASEAN Campur Satu sedia ada atau pun ASEAN + 1 *Free Trade Agreements* (ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Australia-New Zealand, ASEAN-Korea dan ASEAN-Jepun). Malaysia telah pun membuka pasarannya kepada kesemua

negara-negara RCEP dan pada masa yang sama telah mendapat akses pasaran kepada negara-negara tersebut. Justeru itu, RCEP merupakan satu usaha untuk menghimpunkan perjanjian-perjanjian ini kepada satu perjanjian yang lebih komprehensif dan terkini untuk memfasilitasikan perdagangan dan pelaburan di rantau ASEAN serta Asia Timur.

2. Oleh yang demikian, RCEP adalah FTA ASEAN dengan negara-negara yang telahpun mempunyai FTA secara individu dengan ASEAN. Malaysia juga mempunyai FTA dua hala dengan Jepun, India, New Zealand dan Australia. Oleh yang demikian, pasaran Malaysia telah pun diliberalisasikan terhadap kesemua negara-negara yang merundingkan RCEP.
3. Skop-skop yang dipersetujui untuk dirundingkan di bawah RCEP tidak merangkumi beberapa sektor sensitif seperti perolehan kerajaan, alam sekitar dan buruh. Bagi sektor-sektor seperti hak harta intelek dan dasar persaingan, Malaysia secara umumnya mempunyai pendekatan yang sama seperti negara ASEAN yang lain. Ini membolehkan Malaysia mengekalkan pendirian-pendirian yang sesuai dengan tahap pembangunan sektor-sektor ini.
4. Memandangkan rundingan RCEP masih lagi berjalan, perbincangan tentang isu-isu berkaitan adalah dinamik dan oleh yang demikian, sesetengah maklumat dikira sulit dan tidak dapat dikongsikan dengan pihak luar kerana khawatir ini akan menjelaskan pendirian serta strategi rundingan negara-negara

yang terlibat. Walau bagaimanpun, maklumat yang lebih umum tentang RCEP dan dikira tidak menjelaskan atau mengkompromi mana-mana pihak telah pun dikongsi kepada pihak-pihak yang berkaitan melalui program-program *outreach* mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN, perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (*Free Trade Agreements*) yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Sesi-sesi ini sering merangkumi penjelasan mengenai kemajuan dalam rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) serta impak perjanjian terhadap Malaysia.

5. Setakat Oktober 2016, sebanyak 31 taklimat dan sesi *townhall* dan *outreach* mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN yang turut menyentuh berkenaan RCEP telah diadakan dan disertai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sesi-sesi taklimat ini merangkumi persidangan, latihan, ceramah dan sebagainya melibatkan sektor awam, sektor swasta, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, delegasi antarabangsa dna lain-lain lagi. Jumlah taklimat, sesi *townhall* dan *outreach* yang telah diadakan pada tahun 2014 dan 2015 adalah berjumlah 131 dan 77 masing-masing.

6. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri percaya bahawa pihak *civil society* turut menyertai sebahagian daripada sesi-sesi yang telah dijalankan tersebut. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga akan memastikan bahawa *civil society* akan dijemput dalam sesi-sesi *outreach* atau *townhall* mengenai RCEP yang bersesuaian di masa hadapan.